

# Siswa USIM, penghuni penjara dalam CIPTA 2014

SEREMBAN 2 Sept. - Bersempena sambutan Kemerdekaan Malaysia Ke-57, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menganjurkan Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA) 2014.

Bertemakan "Melestarikan Perpaduan Hari Esok", CIPTA merupakan program berjiwa Malaysia sebagai salah satu pengisian bagi memeriahkan sambutan bulan Kemerdekaan.

Menariknya, CIPTA menonjolkan kolaborasi pelajar USIM bersama penghuni penjara (banduan) secara langsung sebagai komposer dan penulis lirik untuk menghasilkan lagu berunsur patriotik.

Penolong Pendaftar, Unit Pengurusan Acara dan Protokol Pusat Komunikasi Strategik (STRACOMM), Mohd. Zaini Othman berkata, sejak dianjurkan pada tahun 2008 hampir 150 lagu dan lirik patriotik telah dihasilkan di kalangan mahasiswa dan penghuni penjara.

"Antara objektifnya adalah bagi menyemarakkan aktiviti promosi dan pembangunan sahsiah di kalangan warga kampus agar dapat melahirkan mahasiswa yang peka kepada persekitaran masyarakat.

"Pada masa yang sama ia juga bertujuan untuk memupuk kerjasama serta kesedaran masyarakat dalam memahami nilai dan makna patriotisme yang mendalam," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, sebanyak 80 lirik dan 60 lagu telah dihasilkan dengan 10 buah lagu terbaik telah dipilih untuk dipertandingkan pada Konsert Akhir CIPTA 2014 yang akan berlangsung pada 13 September 2014 ini bertempat di Dewan Besar USIM.

Mohd. Zaini menjelaskan lagu akhir ini terdiri dari lima buah lagu yang dihasilkan oleh pelajar USIM sebagai penulis lirik dan penghuni penjara sebagai komposer manakala baki lima buah lagi adalah sebaliknya.

"Lagu memberi peluang untuk pelajar dan penghuni penjara menonjolkan bakat dan kreativiti mereka bagi menzahirkan kecintaan kepada negara.

"Pada Konsert Akhir nanti, lagu-lagu ini akan dinyanyikan oleh penyanyi pilihan mereka yang terdiri daripada pelajar USIM, kakitangan USIM dan Jabatan Penjara Malaysia serta penghuni penjara sendiri.

Antara tajuk lagu yang dipertandingkan nanti adalah *Satu Suara*, *Doa Anak Marhain*, *Anugerah Perpaduan*, *Bunga Pertiwi*, *Manisnya 1 Malaysia*, *Azam Merdeka* dan *Tiang Seri*.

Kata Mohd. Zaini kesemua lagu-lagu ini akan diiringi oleh pemuzik Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan diadili juri professional iaitu Fauzi Marzuki, Siso Koprata dan Datuk Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah).